

PM semak kurikulum

UM 18 JUN 2000

SIK 17 Jun — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman berkata, kurikulum kelas agama yang akan diadakan di jabatan-jabatan kerajaan telah siap dan sedang disemak oleh Perdana Menteri.

Katanya, kerajaan turut menetapkan kelas agama itu akan diadakan pada waktu pejabat dan menjadi program rasmi setiap jabatan kerajaan.

“Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama sebuah jawatankuasa sedang meneliti kurikulum itu sebelum diwajibkan kepada semua kakitangan dan pegawai kerajaan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis peletakan batu asas Arked Mara Sik dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan keputusan kerajaan untuk mewajibkan semua kakitangan kerajaan

Bagaimanapun, katanya, kakitangan bukan Islam tidak diwajibkan hadir untuk mengikuti kelas ini.

“Tumpuan kita dalam kelas ini ialah bagaimana hendak menjadikan agama sebagai asas menilai prestasi kerja, produktiviti dan disiplin seseorang kakitangan,” katanya.

Katanya, penceramah yang akan mengendalikan kelas agama akan diberi imbuhan sekiranya diperlukan dan jika penceramah terbahit terdiri daripada pegawai jabatan, mereka akan dinilai sebagai prestasi kerja.

Menurutnya, pembelajaran kelas agama itu meliputi ilmu tasawuf, tauhid dan kerajaan akan menyediakan buku rujukan kepada penceramah.

Katanya, kerajaan yakin kelas agama ini akan meningkatkan keimanan setiap kakitangan kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab.

mengikuti kelas agama di jabatan kerajaan.

Menurutnya, kelas agama ini akan berjalan pada waktu rasmi pejabat dan akan diadakan sama ada satu atau dua minggu sekali.